

BARISAN NASIONAL:

SELAYANG PANDANG TENTANG KONSEP DAN PERKEMBANGANNYA

oleh

HASROM HARON
Pengarang Sejarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

Barisan Nasional yang memegang tampuk pemerintahan kerajaan di masa ini telah didaftarkan pada 1 Jun 1974; iaitu kira-kira 80 hari sebelum pilihanraya umum kelima Malaysia diadakan. Barisan Nasional Malaysia¹ ini merupakan pergabungan sembilan buah parti, dimana Parti Perikatan yang mengandungi UMNO, MCA, MIC, Perikatan Sarawak — Parti Pesaka-Bumiputra Bersatu,² dan Perikatan Sabah — USNO, PAS, Gerakan Rakyat Malaysia, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan Parti Kemajuan [Progresif] Rakyat (PPP).³

'Barisan Nasional': Konsep dan pembentukannya.

Sebenarnya konsep dan bentuk kerajaan Barisan Nasional yang ada hari ini adalah merupakan satu yang baharu pada nama sahaja, tetapi telah sedia ber-cambah dan berakar umbi sejak lama dahulu. Mula-mula eloklah juga dilihat bagaimana konsep barisan nasional itu membentuk penubuhan Kerajaan Barisan Nasional. Penubuhan Barisan Nasional sebenarnya bertolak dari kejayaan pembentukan Kerajaan Campuran yang pertama di Sarawak antara Parti Bumiputra, Parti Pesaka Anak Sarawak dan Sarawak Chinese Association yang menganggotai Perikatan Sarawak dengan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP). Kerajaan Campuran Sarawak ini dibentuk pada 7 Julai 1970.⁴

Semasa Dharurat diisitiharkan di Semenanjung Malaysia akibat peristiwa 13 Mei, pilihanraya di Sarawak dan Sabah telah ditundakan kepada 6 Jun hingga 4 Julai di Sarawak dan antara 21 Jun hingga 27 Jun 1970 di Sabah.⁵ Keputusan

¹ Nama penuh seperti yang dijelaskan dalam Perlembagaan Barisan Nasional Malaysia, tetapi selepas ini disebut Barisan Nasional. Lihat *Perlembagaan Barisan Nasional Malaysia*, dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Barisan Nasional Malaysia, Kuala Lumpur, 1974, ms. 1.

² Parti Pesaka Anak Sarawak dan Parti Bumiputra bersekutu pada awal tahun 1973; dengan nama baharunya itu. Sebelum Jun 1974 parti Sarawak Chinese Association menganggotai Perikatan Sarawak tetapi parti itu telah dibubarkan pada 27 Jun 1974, lihat *Straits Times*, 28 Jun, 10 Julai, dan 15 Julai 1974.

³ Lihat Perlembagaan Barisan Nasional Malaysia, ms. 2. Parti Sabah Chinese Association yang menganggotai Perikatan Sabah tidak dicatitkan dalam keanggotaan Barisan Nasional Malaysia itu. Dalam pilihanraya Ogos lepas 3 kerusi telah diuntukkan kepada SCA.

⁴ "Far Eastern Round-up," *FEER*, 1971 *Yearbook*, ms. 43.

⁵ Malaysia, *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, Tahun 1969*, Suruhanjaya Pilihanraya, Jabatan Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1972, ms. 14-19.

yang menyukarkan kedudukan politik negeri berlaku di Sarawak bila mana Perikatan Sarawak — Parti Bumiputra dan SCA hanya memenangi 15 kerusi,⁶ dan Parti Pesaka yang juga menganggotai Parti Perikatan Sarawak memenangi 8 kerusi negeri dan dengan itu tidak membolehkan pembentukan Kerajaan Negeri yang menghendaki 24 kerusi dari jumlah 48 kerusi negeri. Sementara itu Parti Kebangsaan Sarawak—Sarawak National Party (SNAP) dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak—Sarawak United People Party (SUPP) masing-masing memenangi 12 kerusi Dewan Negeri dan satu kerusi dimenangi oleh calon bebas. Pembentukan Kerajaan Negeri Perikatan Sarawak hanya berlaku bila calon bebas, Lias Ak Kana dari kawasan Ngemah memasuki Parti Pesaka.⁷

Dengan kedudukan majoriti yang kecil itu Kerajaan Perikatan berada dalam keadaan yang tidak begitu selamat. Sebagai satu tindakan dan langkah yang bijak, baik bagi pihak SUPP dan juga Perikatan Sarawak, SUPP telah bersetuju membentuk Kerajaan Campuran. Dengan itu kedudukan kerusi Dewan Negeri Kerajaan Perikatan Negeri Sarawak bertambah sebanyak 12 kerusi lagi yang didatangkan daripada kerusi yang dimenangi oleh SUPP.⁸ Ada pengulas politik menganggap kejayaan pembentukan Kerajaan Campuran Sarawak dengan Datuk Rahman Yakub sebagai Ketua Menteri ini merupakan satu 'political coup' besar dalam sejarah politik Sarawak.⁹ Tetapi kegoncangan politik di Sarawak sebelum itu memang jelas merbahaya; hanya bila Datuk Rahman yang sebelumnya memegang jawatan Menteri Pelajaran Malaysia, dipanggil pulang ke Sarawak untuk mengetuai Kerajaan Negeri keadaan politik agak dapat dikawal.¹⁰ Setiausaha Agung SUUP, Datuk Stephen Yong telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri (satu) manakala seorang lagi Timbalan Ketua Menteri (kedua) didatangkan daripada Parti Pesaka.

Kejayaan membentuk kerajaan Campuran dan seterusnya perkembangan lancar Kerajaan Campuran Sarawak telah membawakan cuaca politik yang lebih nyaman di Sarawak. Lebih-lebih lagi memandangkan SUPP, yang juga diang-

6 Semasa pilihanraya dijalankan tidak terdapat persetujuan tentang pemberian dan peruntukan kerusi dalam Perikatan sebab itulah Parti Pesaka telah bertanding dengan lambang 'perisai dan lembing'nya dan tidak kapal layar. Lihat Goh Cheng-teik, 'Sarawak: Yakub's Election Coup,' *FEER* Vol. 69, no. 31, 30 Julai 1970, ms. 31-33; lihat juga Penyata Pilihanraya 1969, op. cit.

7 Goh Cheng-teik, *op. cit.*, ms. 32. Keputusan pilihanraya bagi kerusi parlimen adalah seperti berikut: Perikatan Sarawak 7 kerusi, SUPP 5 kerusi, Parti Pesaka 2 kerusi, SNAP 9 kerusi dan satu bebas. Di Sabah kesemua kerusi Dewan Rakyat dimenangi oleh Perikatan; 13 USNO dan 3 kerusi oleh Sabah Chinese Association.

8 SUPP ditubuhkan dalam bulan Jun 1959, dan merupakan parti yang pertama ditubuhkan di Sarawak dan di Malaysia Timur. Pemimpin dan anggotanya kebanyakan terdiri dari orang Cina.

9 Untuk melihat perkembangan pembentukan kerajaan campuran ini lihat Goh Cheng-teik, *op. cit.*; Bob Reece, 'Unlikely Alliance,' *FEER*, Vol. 69, no. 20, 16 Julai 1970, ms. 6-7; lihat juga A.F. Yassin, 'Menuju ke arah Barisan Nasional,' *Dewan Masyarakat*, Jilid 11, bil. 1, 15 Januari 1973, ms. 8-10.

10 Kedudukan politik Sarawak dianggap merbahaya kerana kemenangan SNAP sebanyak 12 kerusi dan ura-ura pembentukan kerajaan campuran SNAP-SUPP dan Pesaka; seperti yang pernah dinyatakan oleh Datuk Stephen Ningkan bahawa mereka telah bertemu pada 6 Julai 1970 untuk membentuk kerajaan campuran. Kerajaan campuran SNAP-SUPP dan Pesaka ini merbahaya kerana, SNAP adalah merupakan salah satu parti yang menentang pembentukan Malaysia dahulu. Lihat J.P. Ongkili, *The Borneo Response to Malaysia, 1961-1963*, Donald Moore Press Ltd., Singapore, 1967, ms. 30-31.

gotai oleh orang-orang Cina berfaham kiri telah dapat dibendung aktiviti mereka; dan akhirnya kebanyakan unsur-unsur kiri dalam SUPP telah berjaya disingkirkan. Kejayaan kedua ialah pembentukan satu kerajaan yang lebih bersifat 'antara kaum' antara Parti Perikatan yang terdiri dari kaum bumiputra dengan Parti SUPP yang didominasi oleh orang Cina sahaja. Dengan itu ia mengurangkan dan mengelakkan politik yang bergerak atas landasan perkauman berjalan terus. Bukti pergerakan politik yang berlandaskan perkauman ini merupakan sesuatu yang buruk, bukanlah susah hendak dicarikan bila mengingatkan kembali akan pecah peristiwa 13 Mei di Malaysia Barat.

Maka sebab itulah Parti Gerakan Rakyat Malaysia yang memerintah Pulau Pinang yang mulai menghadapi perpecahan dalam tahun 1971,¹¹ pada awal tahun 1972 telah menjalankan perundingan dan akhirnya membentuk kerajaan campuran diperingkat negeri dengan Parti Perikatan. Penubuhan Kerajaan Campuran Gerakan-Perikatan itu berkuat-kuasa mulai 17 Februari 1972. Dalam sidang akhbar bersempena dengan pembentukan Kerajaan Campuran itu Dr. Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang telah menekankan dua sebab penting mengapa persetujuan menubuhkan kerajaan Campuran itu diambil: pertama demi kepentingan perpaduan, kestabilan dan keselamatan negara; kedua bertujuan untuk berkhidmat dengan lebih baik kepada rakyat negeri Pulau Pinang supaya pembangunan sosio-ekonomi berjalan segera.¹² Ditekankan juga bahawa dengan pembentukan Kerajaan Campuran Gerakan-Perikatan di peringkat negeri itu; Gerakan akan bekerjasama dengan parti pemerintah Perikatan disemua peringkat baik di Dewan Negeri lain dari Pulau Pinang dan juga di Dewan Rakyat.¹³

Di Perak juga kerajaan Perikatan yang memegang tampuk pemerintahan negeri telah membawa masuk Parti Progresif Rakyat (PPP) kedalam kerajaan. Pada masa itu PPP memegang 4 kerusi Dewan Rakyat dan 12 kerusi Dewan Negeri. Dalam hal kerajaan campuran ini Datuk Sri S.P. Seenivasagam menjelaskan dua sebab penting mengapa PPP bersetuju membentuk Kerajaan Campuran dengan Perikatan yang berkuat-kuasa mulai 28 April 1972: pertama adanya pindaan perlembagaan yang mensyaratkan tidak sesiapa boleh menimbulkan soal-soal sensitif seperti yang termaktub dalam Akta Hasutan itu;¹⁴ kedua adanya pertentangan yang hebat antara orang Melayu dan orang Cina akibat perjuangan PPP yang sebelum pembentukan Kerajaan Campuran memang terkenal kerana perjuangannya yang membela kepentingan orang Cina, dan meninggalkan kepentingan orang

11 Perpecahan dalam Parti Gerakan Rakyat Malaysia, telah mengujudkan Parti Keadilan Masyarakat Malaysia (Pekemas) yang ditubuhkan pada 24 Disember 1971.

12 Lihat *Utusan Malaysia*, 17 dan 18 Februari 1972; James Morgan, 'Friendly Opponents,' *FEER*, Vol. 76, no. 17, 22 April 1972, ms. 10; M.G.G. Pillai, 'Consensus Time,' *FEER*, Vol. 79, no. 2, 15 Januari 1973, ms. 17-18; Alias Ali, 'Maka Lahirlah Kerajaan campuran di Pulau Pinang,' *Mingguan Malaysia*, 20 Februari 1972.

13 *Utusan Malaysia*, 17 Februari 1972.

14 Akta Hasutan itu tidak membenarkan perkara-perkara berikut dibincangkan dalam rapat-rapat pilihanraya atau dijadikan issue pilihanraya: kedudukan istimewa orang Melayu, kedudukan sultan-sultan, Bahasa Kebangsaan dan penggunaan bahasa-bahasa lain, hak mutlak orang bukan-Melayu dan kelayakan kerakyatan, lihat *Straits Times*, 27 Julai 1974; lihat juga Law of Malaysia, Act, *Sedition Act*, 1948, (Revised 1969).

Melayu.¹⁵

Lagi sekali nampaknya pembentukan Kerajaan Campuran di peringkat negeri termasuk antara Perikatan dan PPP adalah berasaskan atau bertujuan untuk mengurangkan pergerakan parti yang memperjuangkan keperluan satu-satu kaum. Satu persamaan masalah dalam negeri di Perak dan di Sarawak yang dihadapi oleh kedua-dua kerajaan ialah aktiviti pengganas yang selalunya terdiri daripada orang-orang Cina. Maka sebab itulah satu bentuk kerjasama yang erat dalam kerajaan negeri amat diperlukan untuk membentras pengganas yang merupakan kumpulan kecil dari kader-kader Parti Komunis Malaya dan Parti Komunis Kalimantan yang hendak merampas kuasa. Kejayaan besar yang dicapai terhadap pembentrasan pengganas komunis ini dapat dibuktikan di Sarawak bila mana ketua komunis terkemuka Bong Kee Chok bersama-sama 481 orangnya meletakkan senjata dan menghentikan aktiviti mereka. Persetujuan perdamaian Bong Kee Chok dan Kerajaan Negeri ini dijalankan di Rumah Kerajaan Simanggang pada 20 Oktober 1973.¹⁶ Di Perak juga kerajaan campuran telah mengembeling tenaga untuk menghadapi masalah dalaman begini.

Berikutan dari demam penubuhan kerajaan campuran ini maka tidak lama selepas pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan — PPP yang dimulakan pada 1 April 1972 itu, timbul pula ura-ura akan kemungkinan penubuhan kerajaan campuran antara Perikatan dan PAS. Maka pada 22 Disember 1972 diumumkan secara rasmi akan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan — PAS dan kali ini bukan sahaja diperingkat negeri tetapi juga diperingkat Persekutuan.¹⁷ Datuk Asri, Presiden PAS telah diberikan pos sebagai Menteri Pembangunan Tanah dan Tugas-tugas Khas.

Pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan — PAS di peringkat Negeri dan Persekutuan kali ini tidaklah pula mungkin dipandang sebagai mengurangkan politik perkauman; tetapi mengikut Datuk Asri sendiri ialah mengurangkan percakaran politik yang memang sedia getir terutamanya antara PAS dan UMNO.¹⁸ Lebih penting dari itu ialah dengan kerjasama dua parti bumiputra ini akan mengukuhkan lagi kestabilan politik tanah-air, disamping memperkukuhkan kedudukan

¹⁵ Interbiu Subky Latif dengan Datuk Sri S.P. Seenivasagam dalam *Utusan Malaysia*, 12 dan 13 September 1974. Selain daripada itu PPP juga menyokong dasar ekonomi baharu yang dengan demikian Datuk Sri S.P. Seenivasagam berjanji akan memberikan peluang perniagaan yang lebih kepada bumiputra di Ipoh; termasuk menjalankan penyusunan semula pentadbiran Majlis Perbandaran Ipoh, lihat *Utusan Malaysia*, 29 April 1972.

Datuk Sri S.P. Seenivasagam juga pernah memberikan pendapat yang beliau tidak percaya akan kemungkinan pembentukan sebuah kerajaan yang terdiri daripada orang bukan-Melayu sahaja, sebab itulah kerjasama dengan Perikatan terutama UMNO adalah amat mustahak untuk perpaduan dan kemakmuran negara, lihat *Straits Times*, 25 Mac 1974.

¹⁶ *Straits Times*, 5 Mac 1974; teks persetujuan perdamaian dikeluarkan dalam *Straits Times*, 6 Mac 1974.

¹⁷ *Straits Times*, 10 Disember, 1972; *Straits Times* 23 Disember 1972.

¹⁸ Interbiu Adi Mas dengan Datuk Mohd. Asri, dalam *Utusan Zaman*, 11 Mac 1973.

“bargaining power” politik bumiputra.¹⁹ Penubuhan Kerajaan Campuran Perikatan PAS berjalan kuat kuasanya mulai 1 Januari 1973.

Dengan penubuhan kerajaan-kerajaan campuran Perikatan yang mengandungi UMNO, MCA, MIC, Perikatan Sarawak, Perikatan Sabah, SUPP, PPP, Gerakan dan PAS maka di belakang barisan parti-parti ini terdapat seramai kira-kira 82% pengundi. Pembentukan kerajaan campuran yang begini besar mendapat sokongan besar dari seluruh pelusuk rakyat kecuali keuali parti-parti pembangkang yang masih tidak menyertai barisan parti-parti itu.

Seawal-awal bulan September 1972, Tun Abdul Razak sendiri telah menggambarkan kemungkinan pembentukan BARISAN NASIONAL.²⁰ Lagi sekali pada 9 Disember 1972, Tun Razak menggambarkan kemungkinan penubuhan dan pembentukan kerajaan Barisan Nasional.²¹ Semasa mengumumkan akan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan --- PAS pada 22 Disember beliau menganggap detik sejarah itu merupakan detik penting ke arah Barisan Nasional. Mulai dari masa itulah konsep ‘barisan nasional’ mula dilaung-laungkan dan mulai dipakai sehinggalah Parti Barisan Nasional itu didaftarkan seperti yang dinyatakan di atas tadi.²²

Sehingga ini kita melihat bahawa bagi Tun Razak dan pemimpin dalam Barisan Nasional memandang konsep Barisan Nasional itu sebagai satu rangkaian parti politik berbagai kaum yang bersatu dalam satu barisan yang menjadikannya bersifat ‘kebangsaan Malaysia.’ — antara kaum. Objektif terpenting Barisan Nasional ialah untuk mengurangkan politiking yang berlandaskan perkauman antara parti-parti perkauman; dan sekarang jikalau pun politiking perkauman itu masih berjalan (memang masih berjalan), ia bergerak dalam lingkungan Barisan Nasional dan kehangatannya dapat dikurangkan dengan perbincangan dan tolak

¹⁹ Dalam bulan Mei 1974, Tun Razak juga pernah menekankan yang kerjasama Melayu dalam Kerajaan Campuran — UMNO dan PAS (termasuk parti bumiputra seperti Parti Pesaka-Bumiputera Bersatu di Sarawak dan USNO di Sabah) — menjadi teras bagi membentuk bangsa [Malaysia] yang kuat dan bersatu padu, lihat *Utusan Malaysia*, 10 Mei 1974. Pada 8 Ogos pula *Utusan Malaysia* melapurkan di muka depannya yang Tun Razak membayangkan yang sebuah ‘kerajaan Melayu’ boleh ditubuhkan kerana 70% daripada calun ialah orang Melayu — dari UMNO dan PAS (sekurang-kurangnya bumiputra), lihat *Utusan Malaysia*, 8 Ogos, 1974. Dalam satu rapat umum pilihanrayanya Barisan Nasional Ogos 1974 di Petaling Jaya, Tun Abdul Razak lagi sekali membayangkan yang UMNO dan PAS dengan mudah (jika mereka mahu) boleh membentuk sebuah kerajaan — ‘kerajaan Melayu’; samada orang China dan India menyokong atau tidak menyokong Barisan Nasional. Maka sebab itulah beliau memberi kata dua (memujuk) supaya orang China dan India memberikan undinya untuk Barisan Nasional sahaja, supaya kaum ini diwakili dalam kerajaan yang terbentuk kelak, lihat *Sunday Times*, 11 Ogos 1974. Kalau dilihat dari perkembangan ini akan terdapat semacam politik perkauman bumiputra dan bukan bumiputra dalam Barisan Nasional; malah ia juga boleh dianggap sebagai ‘polarisation’ bumiputra dan bukan bumiputra. Jika politik perkauman dan polarisation ini timbul ke muka maka ia akan meretakkan Barisan Nasional.

²⁰ M.G.G. Pillai, ‘National Front,’ *FEER*, Vol. 77, no. 38. 16 September 1972.

²¹ *Straits Times*, 10 Disember 1972; lihat juga Lofti Ismail, ‘Barisan Nasional: Membina Tapak Politik Lebih Besar.’ *Dewan Masyarakat*, Jilid 12, bil. 8, 15 Ogos 1974, ms. 10-11.

²² Lihat *Utusan Malaysia*, 23 Disember 1972, Rapat-rapat raksasa menjelaskan konsep kerajaan ‘Barisan Nasional’ sebelum pilihanraya Ogos 1974 telah diadakan di Temerloh 20 April, Alor Star, 3 Mei, Kota Bharu 10 Mei, Kuala Lumpur 2 Jun, Ipoh 23 Jun, Seremban 11 Julai dan di Kuching 13 Julai.

ansur. Dengan itu kerajaan Barisan Nasional akan dapat lebih banyak masa untuk menumpukan kepada kerja-kerja pembangunan — perpaduan dan kemakmuran rakyat baik rohani mahupun jasmani.

Dr. Mahathir Mohamed, Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO dalam satu ceramah politik bertajuk 'Parti-Parti Politik di Malaysia dan Program Perjuangannya', yang dibentangkan di bangunan UMNO pada 31 Disember 1972 sendiri telah merestui pembentukan ke arah 'national front' dan pada pendapatnya UMNO dapat memimpin parti-parti yang menyertai Kerajaan Campuran ke arah 'national front.'²³ Selain dari itu Dr. Mahathir juga telah memperkatakan tentang parti-parti politik yang '..... kebanyakannya tidak mahu mencerminkan pembahagian kaum dan fikiran rakyat secara terus terang [sic]'. Parti-parti itu termasuklah Independence of Malaya Party (IMP), Labour Party dan Front Socialist, Malayan Party dan Parti Marhaen yang kesemuanya telah hilang.²⁴ Selain dari itu Dr. Mahathir juga memaparkan parti-parti: Parti Progresif Rakyat (PPP), Parti Tindakan Rakyat (DAP), Parti Keadilan Masyarakat Malaysia (PEKEMAS) dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) ini; tidak mengakui bahawa mereka berjuang untuk orang bukan-bumiputra sahaja.

Konsep Parti Kebangsaan Datuk Onn

Tetapi bagi kita tanpa melihat apa yang telah dipaparkan oleh Dr. Mahathir dalam ceramah politik beliau itu sebagai sejarahawan kita tentu ingat akan usaha-usaha yang lebih awal yang bersifat kebangsaan dan ke arah kepada pembentukan 'barisan nasional.' Hanya pada masa itu istilah barisan nasional itu tidak timbul, yang timbul ialah pembentukan parti berbagai kaum dan berdasarkan bukan perkauman. Orang yang paling agung sekali dalam memperjuangkan pembentukan parti berbagai kaum dan berdasarkan faham bukan perkauman dalam perjuangan ini ialah Datuk Onn bin Jaafar; walaupun beliau sendiri pernah begitu gigih dengan parti ke Melayuan yang ditubuhkannya iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malay National Organisation) — UMNO.²⁵

Datuk Onn telah dilantik sebulat suara sebagai Presiden Kongres Melayu

²³ Dr. Mahathir Mohamed, *Parti-Parti Politik di Malaysia dan Program Perjuangannya*, (stensilan) Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, bertarikh 31 Disember 1972, 11 muka-surat.

²⁴ *Utusan Malaysia* 19 Julai 1974 memberitakan yang Ahmad Boestamam akan bertanding atas tiket Pekemas dengan mengabungkan Partai Marhaennya dengan Pekemas. Lihat juga *Straits Times*, 19 Julai 1974. Ahmad Boestamam telah bertanding untuk merebut kerusi parlimen di Perak Hilir tetapi gagal.

²⁵ Riwayat hidup Datuk Onn boleh dibaca dari Anwar Abdullah, *Dato' Onn: Riwayat Hidup*. Percetakan Abadi, Petaling Jaya, 1971. Keluarga beliau merupakan keluarga yang berhubung rapat dengan keluarga diraja Johor dan juga merupakan keluarga atasan yang berjaya di Johor dan di Malaysia sekalipun. Bapanya Datuk Jaafar bin Mohamed ialah Menteri Besar Johor yang pertama; selain itu beliau sendiri pernah menjadi Menteri Besar Johor yang ketujuh (1 Jun 1947 hingga 18 Mei 1950). Dua orang abangnya lagi, Datuk Abdullah dan Datuk Mustapha juga menjadi Menteri Besar Johor. Sekarang ini pula Datuk Hussein Onn, anaknya ialah Perdana Menteri Malaysia. Untuk melihat perkembangan sejarah UMNO lihat, *UMNO Sepuluh Tahun*, 1946-1956, Daud Press, Penang, n.d. *passim*; *UMNO Duapuluh Tahun*, Ibu Pejabat UMNO Malaysia, Kuala Lumpur, n.d. *passim*; *Sejarah UMNO Suku Abad*, Batu Pahat, n.d. *passim*.

Setengah Melayu mulai 1 Mac — 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Tidak lama kemudian pada 1 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Baharu, lahirlah UMNO -- Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu di mana beliau telah sebulat suara dilantik sebagai Presiden pertama UMNO.²⁶ Tujuan utama pembentukan UMNO ialah menolak pembentukan Malayan Union dan mengembalikan dan mengekalkan kedudukan raja-raja Melayu dan orang Melayu. Tidak usahlah dipanjangkan tentang kejayaan UMNO dalam penolakannya terhadap pembentukan Malayan Union dan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu seterusnya.²⁷

Belum pun Perlembagaan 1948 itu dapat dijalankan perkembangan politik di Tanah Melayu telah menjadi bertambah buruk. Parti Komunis Malaya telah memulakan tindakan ganasnya mulai Jun 1948 dan keadaan Dharurat telah diistiharkan.²⁸ Dengan tindakan keganasan Komunis itu,²⁹ maka soal perkauman menjadi bertambah teruk. Orang Melayu di bawah pimpinan UMNO menolong kerajaan Inggeris untuk menentang bahaya tindakan ganas Komunis. Sementara itu Komunis pula mendapat simpati dari orang Cina. Ketegangan kaum ini bertambah lagi bila orang Melayu mulai menuntut hak mereka terhadap kontribusi mereka dalam membantras Komunis dan mengesa pihak Berkuasa Persekutuan menjalankan dasar yang pro-Melayu seperti yang dirangkakan dalam perlembagaan 1948. Orang Melayu juga menuntut supaya orang Cina yang disyaki bekerjasama dengan Komunis hendaklah dibuang negeri ke Cina.³⁰

Pemimpin-pemimpin masyarakat dan politik pada masa itu mulai merasa bahawa pergaduhan kaum amat hampir. Datuk Onn sama merasai akan bahaya ini. Dengan cadangan Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya Besar Inggeris bagi Asia Tenggara, Datuk Onn telah menjemput 21 ketua kaum ke tempat kediamannya di Johor Baharu pada 31 Disember 1948 untuk maksud mengadakan satu perjumpaan tidak rasmi. Di antara ketua-ketua yang terkemuka yang hadir ialah Datuk Sir Tan Cheng Lock, Datuk Sir Thuraisingham, Malcolm MacDonald, Sir Roland Braddell yang menjadi penasihat undang-undang UMNO dan lain-lain pemimpin China dari Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Hasil dari perjumpaan ini ditubuhkan satu Jawatankuasa Perhubungan Kaum (Communities Liaison Committee) pada 10 Januari 1949; yang bertugas untuk membincang

²⁶ *UMNO Sepuluh Tahun*, ms. 33, 71-78.

²⁷ Lihat Ishak Tadin, 'Dato' Onn, 1946-1951,' *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 1, no. 1 March 1960, ms. 62-99; lihat juga *UMNO Sepuluh Tahun*, ms. 53. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (The Federation of Malaya Agreement, 1948) ditandatangani pada 21 Januari 1948 dan mulai berkuatkuasa pada 1 Februari 1948. Dengan penandatanganan perjanjian itu maka akan lenyaplah Malayan Union dan muncul Persekutuan Tanah Melayu.

²⁸ Untuk darurat sila lihat, Richard Allen, *Malaysia: Prospect and Retrospect*, OUP, London, 1968, bab. 9, ms. 91-103; Anwar Abdullah, *op. cit.*, ms. 94-113; Lennox A. Mills, *Malaya: A Political and Economic Appraisal*, University of Minnesota Press, Minneapolis 1958, bab 4, ms. 43-70.

²⁹ Kebanyakan anggota Parti Komunis Malaya terdiri daripada orang China. Perjuangan mereka lebih merupakan perjuangan yang dianggap sebagai 'pengganas' kerana mereka menjalankan keganasan membunuh rakyat yang tidak bekerjasama dan juga merosakkan kemudahan awam; di samping tujuan besar mereka hendak menjatuhkan penjajah Inggeris secara ganas bukan melalui perundingan. Kecuali satu perundingan yang pernah diadakan di Baling, Kedah.

³⁰ Ishak Tadin, *op. cit.* ms. 79.

dan mengkaji punca pergeseran perkauman dan mencari jalan dan usaha bagi mengelakkannya.³¹

Penyertaan Datuk Onn dalam jawatankuasa ini tidak begitu disenangi oleh golongan Melayu, seperti yang digambarkan dalam lidah pengarang Utusan Melayu, 6 Januari 1949. Pemimpin-pemimpin UMNO yang lainnya takut kalau-kalau Datuk Onn tidak akan bersifat pro-Melayu lagi apabila dipengaruhi oleh Jawatankuasa Perhubungan Kaum itu.³²

Dari penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Kaum itulah memangnya menampakkkan kecenderungan Datuk Onn untuk menubuhkan satu parti yang berdasarkan bukan perkauman. Dalam Sidang Agung UMNO di Butterworth pada 29 Mei 1949 Datuk Onn telah mempertahankan cadangannya supaya membenarkan pembukaan ahli bersekutu kepada bukan-Melayu dalam UMNO. Cadangan beliau itu mendapat sokongan dari UMNO Bahagian Perak; manakala UMNO Bahagian Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Perlis menolak cadangan itu, tetapi akhirnya perhimpunan agung itu menerima cadangan beliau.³³

Disatu masa lain Datuk Onn mencadangkan pula supaya UMNO membukakan keahliannya kepada bukan-Melayu dengan hak yang sama. Idea ini disebarkan seawal-awal Ogos 1949.³⁴ Ada beberapa sebab yang membawa Datuk Onn mencadangkan cadangan tersebut: pertama disebabkan pergerakan politik masa itu hendak mencapai kemerdekaan dan UMNO juga berjuang untuk kemerdekaan. Untuk itu UMNO mengambil sikap yang berfaham kebangsaan berdasar Malayan dan menghindarkan dasar perkauman (Melayu) yang sempit dalam pandangan. Kedua, Datuk Onn bercita-cita supaya UMNO menjadi parti politik pertama yang bukan berdasarkan perkauman di Malaya.³⁵ Datuk Onn juga berfikir bahawa dengan membuka keahlian UMNO kepada bukan-Melayu menjadikan parti UMNO lebih progresif dalam pandangan dan dengan itu akan menjatuhkan kedudukan MCA yang sedia bersifat perkauman China itu.³⁶ Beliau juga mungkin berharap bahawa UMNO akan berkhidmat untuk semua kaum dan bukan untuk satu kaum sahaja iaitu orang Melayu. Maka sebab itulah Datuk Onn mengharapkan kelahiran satu parti politik kebangsaan.³⁷

Tetapi kali ini Datuk Onn menghadapi halangan yang paling besar dalam usahanya. Bahagian UMNO Perak yang dahulunya menyokong beliau tentang kemasukan ahli-bersekutu untuk bukan Melayu telah menolak cadangan drastik

³¹ *Ibid.* ms. 79-80; *UMNO Sepuluh Tahun, op. cit.*, ms. 58-59. Mengikuti buku ini Jawatankuasa Perhubungan Kaum ini ditubuhkan dengan tujuan mendapatkan kerjasama yang rapat dan perhubungan berbaik-baik yang mesra di antara kaum bagi menghapuskan darurat itu.

³² *Ibid.* ms. 81; buku *Sepuluh Tahun* pula mencatatkan yang manifesto yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Perhubungan Kaum itu menyebabkan kegemparan di kalangan orang Melayu khususnya *UMNO* sebab di dalam manifesto itu telah dicadangkan supaya pintu kerakyatan dibuka kepada orang-orang yang bukan-Melayu dengan syarat yang ringan lagi mudah, lihat ms. 57-58, 63.

³³ *Ibid.* ms. 81-82.

³⁴ *Ibid.* ms. 87, *UMNO Sepuluh Tahun*, ms. 73.

³⁵ *Ibid.* ms. 88.

³⁶ *Ibid.* ms. 89-90.

³⁷ *Ibid.*

ini. Sebab utama penentangan yang kuat ini ialah organisasi UMNO seluruhnya merasa bahawa pintu UMNO hanya boleh dibuka kepada bukan-Melayu bila kedudukan ekonomi, pelajaran dan politik orang Melayu sudah lebih terjamin. Keputusan menolak cadangan Datuk Onn ini berlaku dalam Mesyuarat Agung Tergempar pada 20 Mei 1951.³⁸ Akibat dari itu Datuk Onn telah meletakkan jawatan dan langsung meninggalkan parti UMNO.³⁹ Beliau kemudian menubuhkan sebuah parti baharu, Independence of Malaya Party — Parti Kemerdekaan Malaya — yang diidamkannya, pada 16 September 1951. Dengan pembentukan parti baharu ini Datuk Onn telah merubah pegangan politik asalnya yang berdasarkan ke Melayuan kepada dasar bukan perkauman, yang digambarkan dalam keahlian IMP.

Dalam menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) ini Datuk Onn telah mendapat sokongan dari banyak pihak bukan-Melayu termasuk: Datuk Tan Cheng Lock, P.P. Narayanan dan anggota dari Jawatankuasa Perhubungan Kaum. Pesuruhjaya Tinggi, Sir Henry Gurney dan Pesuruhjaya Besar Malcolm MacDonald juga turut mengalukan sangat-sangat penubuhan parti IMP yang berdasarkan bukan perkauman ini.⁴⁰

Barangkali elok juga dipaparkan dibawah ini platform IMP, untuk melihat sejauh manakah ia akan berjaya berjuang dalam konteks berdasarkan bukan perkauman:

1. Mencapai taraf berkerajaan sendiri dalam masa 10 tahun.
2. Mengadakan pilihanraya kerajaan tempatan menjelang tahun 1953 dan pilihanraya persekutuan menjelang tahun 1955.
3. MeMalayankan Perkhidmatan Awam Tanah Melayu dan menggantikan Perkhidmatan Kolonial dengan perkhidmatan Tanah Melayu.
4. Mengadakan pelajaran percuma dan wajib bagi semua anak-anak yang berumur antara enam dan dua belas tahun menjelang tahun 1955.
5. Mengadakan perkhidmatan sosial yang lebih baik, terutama sekali di kawasan-kawasan luarbandar.
6. Mengadakan bantuan kewangan dan menentukan harga terjamin bagi hasil-hasil tanaman atau pertanian.

³⁸ *Ibid.* ms. 91.

³⁹ *Ibid.* ms. 92-93. Dalam pada itu anggota UMNO telah merasa kecewa dengan tindakan Datuk Onn keluar parti itu. Malah dalam Sidang Agung Tahunan Kelima UMNO yang berlangsung pada 25 dan 26 Ogos 1951 di Kuala Lumpur; perhimpunan telah meluluskan rasa sedih dan penyesalan terhadap sikap Datuk Onn kerana enggan menerima jemputan supaya bertanding kembali sebagai Presiden UMNO tahun 1951/52. Perhimpunan juga berterimakasih atas panduan yang telah diberikan oleh beliau kepada UMNO. Perhimpunan juga masih mengharapkan yang Datuk Onn akan terus memperjuangkan bangsa, negara dan ugamanya (Islam) dan semoga beliau dilindungi oleh Allah, lihat *UMNO Sepuluh Tahun*, ms. 68-69. Buku *UMNO Sepuluh Tahun* tidak menitik beratkan tentang soal kemasukan ahli bukan-Melayu ke dalam UMNO yang menjadi sebab penting perletakkan jawatan Datuk Onn. Buku itu lebih memberatkan soal kewarganegaraan atau kerakyatan bukan-Melayu yang akan dimaktubkan dalam Perjanjian Persekutuan, 1948, lihat *UMNO Sepuluh Tahun*, ms. 63-69.

⁴⁰ L.A. Mills *op. cit.* ms. 79.

7. Mendapatkan perolehan-perolehan sepenuhnya bagi pekerja-pekerja kerana kesusahannya.
8. Mengadakan pembaharuan terhadap sistem fudal di Negeri-Negeri Melayu.⁴¹

Tujuan pembentukan IMP yang terpenting ialah membentuk satu parti yang bersifat kebangsaan Malaya. Tetapi jikalau dilihat dari platform parti IMP, hanya perkara yang ketiga sahaja yang dapat menunjukkan ketegasan untuk membentuk kebangsaan Malayannya pada masa itu. Manakala isinya merupakan platform untuk mencapai kemerdekaan dan kecondongan kepada sosialisma. Kecondongan kepada sosialisma itu termasuk dalam keempat, kelima, keenam, ketujuh dan kedelapan. Walau bagaimanapun pembentukan IMP merupakan satu langkah pembentukan parti yang berdasarkan bukan perkauman dan lagi bersifat kebangsaan Malaya (pada masa itu) yang berani.⁴²

Tetapi IMP telah menempa sejarah kegagalan. Pertama disebabkan idea dan konsep IMP ini adalah terlalu kehadapan bagi orang Melayu yang pada masa itu masih memerlukan bantuan dan perlindungan untuk mendapatkan kedudukan ekonomi, pelajaran dan politik yang lebih kukuh.⁴³ Maka itulah sebabnya orang Melayu tidak mungkin untuk bekerjasama demikian mudah dan terbuka dalam satu parti seperti IMP. Orang Cina sendiri tidak begitu menaruh kepercayaan kepada Datuk Onn yang sebelumnya begitu bersifat keMelayuan, dan beliau tidak mendapat mandat daripada orang Melayu; bagaimanakah beliau hendak memimpin IMP. Satu lagi malapetaka yang menimpa IMP dan Datuk Onn khususnya ialah tindakan Datuk Tan Cheng Lock yang kembali kepangkuan MCA; parti keCinaannya.⁴⁴ Maka tinggallah Datuk Onn terkandung-katung. Pada

⁴¹ Anwar Abdullah, *op. cit.*, ms. 180-181; K.J. Ratnam, *Communalism and the Political Process in Malaya*, Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur, ms. 155-159.

⁴² Pada masa ini parti yang mengakui bahawa mereka bersifat berbilang bangsa — dan dengan itu bersifat kebangsaan dan bukan perkauman di Malaysia ialah PEKEMAS, GERAKAN, DAP, PSRM — tetapi pada praktiknya PEKEMAS bersifat keChinaaan, GERAKAN bersifat keChinaaan, DAP bersifat keChinaaan manakala PSRM — yang memegang ideologi (satu-satunya parti berideologi di Malaysia) bersifat keMelayuan dalam keanggotaannya.

⁴³ Mengikuti Prof. T.H. Silcock dianggarkan dalam tahun 1950 sejumlah \$100 juta dikehendaki setahun untuk 10 hingga 15 tahun bagi membolehkan ekonomi orang Melayu setara dan setanding dengan ekonomi orang China. Lihat T.H. Silcock dan Aziz dalam *Asian Nationalism and the West*, McMillan, New York, ed. 1953, W.L. Holland, ms. 328.

⁴⁴ Ratnam, *op. cit.*, ms. 158. Sebenarnya pada masa itu pilihanraya perbandaran bagi tahun 1952 akan dijalankan. Pemimpin-pemimpin China melihat bahawa perbincangan mengenai parti bukan berdasarkan perkauman hanya berguna di peringkat atasan. Untuk mencapai kemenangan platform yang digunakan haruslah bersifat perkauman; seperti juga yang dilakukan oleh UMNO yang sudah ditinggalkan oleh Datuk Onn dan dipegang oleh Presiden-nya yang baharu Tengku Abdul Rahman, dari Kedah. Perlantikan Datuk Onn sebagai Pengerusi RIDA — Rural and Industrial Development Authority yang ditubuhkan dalam tahun 1950 juga menjadikan kedudukan beliau begitu paradoxical. Kerana dalam IMP beliau berjuang atas landasan yang berfaham/dasar bukan perkauman, sedangkan RIDA yang dipengeruskannya itulah adalah atas dasar dan daya usaha yang ditujukan khusus untuk membantu orang Melayu sahaja; yang bertujuan mengukuhkan kedudukan orang Melayu vis-a-vis Orang China. Lihat L.A. Mills, *op. cit.* ms. 77. Datuk Onn sendiri dikatakan telah pergi ke London meminta bantuan daripada British untuk menolong meninggalkan taraf hidup orang Melayu. Datuk Onn dalam menjawab kedudukannya dalam RIDA yang bertentangan dengan dasar dan konsep IMP menyatakan; bahawa soal kemunduran orang Melayu dalam bidang ekonomi itu ialah soal negara atau kebangsaan, Anwar Abdullah, *op. cit.* ms. 212-213.

peringkat akhir sebelum parti IMP dimansuhkan pada tahun 1953; golongan dari MIClah yang paling ramai menganggotai IMP.⁴⁵

Sementara itu Parti Perikatan yang sebelum ujudnya Barisan Nasional; dianggotai oleh UMNO, MCA dan MIC bercambah atas sebab hendak bekerjasama untuk mencapai kemenangan dalam pilihanraya bandaran Kuala Lumpur tahun 1952. Pembentukan Parti Perikatan bermula dengan pembentukan kerjasama UMNO-MCA. Persetujuan kerjasama UMNO-MCA itu hanya merupakan persetujuan yang calon UMNO hendaklah diletakkan di kawasan majoriti orang Melayu dan calon MCA diletakkan di kawasan majoriti orang Cina; yang secara tidak langsung merupakan satu politik perkauman. Tetapi persetujuan *electoral* ini membawa kejayaan. Perikatan UMNO-MCA berjaya memenangi sembilan kerusi, IMP dua dan satu kerusi kepada calon bebas.⁴⁶

Satu pemerhatian yang dapat dibuat di sini ialah sebenarnya penubuhan kerjasama UMNO-MCA ke dalam Parti Perikatan adalah ikutan dari pembentukan IMP, yang bersifat berbagai kaum dan bukan perkauman pada dasarnya. Jadi untuk mengelakkan UMNO dan MCA dicap dan bergerak terang-terangan atas landasan perkauman; maka adalah lebih elok dijalankan kerjasama dalam bentuk persetujuan *electoral* yang oleh setengah pengulas politik dapat dianggap sebagai satu pembentukan parti antara kaum. Dengan demikian Parti Perikatan dan Barisan Nasional sekarang in lebih wajar dikatakan sebagai parti bersifat antara kaum.

Dalam pada melihatkan kejayaan Perikatan UMNO-MCA itu maka sebelum Pilihanraya Persekutuan 1955 dijalankan, MIC telah turut masuk dalam Perikatan,⁴⁷ yang berarti telah merangkum tiga kelompok besar kaum yang ada di Tanah Melayu pada masa itu. Walaupun Perikatan bertanding dalam satu badan tetapi tiap-tiap anggota terus bergerak atas landasan kaum dan bertanggungjawab kepada ahlinya sendiri.⁴⁸ Keputusannya Perikatan memenangi 51 kerusi dari 52 kerusi yang

⁴⁵ Anwar Abdullah, *op. cit.* ms. 181; Ratnam, *op. cit.*, ms. 158. Orang India menduduki majoriti parti IMP, mulai pertengahan tahun 1952 (parti MIC ditubuhkan dalam bulan Ogos 1946). Datuk Onn kemudian menubuhkan Malayan National Conference yang dibentuk pada 27 Julai 1953; di mana semua parti dijemput bergabung, tetapi parti UMNO dan Parti Buruh menolak jemputan tersebut. Perjumpaan itu diadakan dibawah pimpinan Datuk Panglima Bukit Gantang, Menteri Besar Perak. Tetapi MNC pun gagal terutamanya untuk mendapatkan sokongan golongan bukan-Melayu (dan Melayu termasuk UMNO) maka ia ditukar kepada nama Parti Negara yang merupakan satu organisasi Melayu dan benar-benar bersifat pro-Melayu dalam programnya, lihat Anwar Abdullah *op. cit.*, ms. 183-184 dan Ratnam, *op. cit.*, ms. 178.

⁴⁶ Ratnam, *op. cit.*, ms. 160. Dalam Pilihanraya Perbandaran dan Bandaran tahun 1952-53, Perikatan UMNO-MCA memenangi 94 kerusi dari 124 kerusi yang ditandingkan.

⁴⁷ *UMNO Sepuluh Tahun op. cit.*, ms. 124.

⁴⁸ Ratnam, *op. cit.*, ms. 161. Barangkali di sini harus dibezakan yang Perikatan ialah sebuah parti 'antara-kaum' atau 'berbagai-kaum' dan dasarnya masih bersifat perkauman. Sedangkan Datuk Onn mencita-citakan bukan sahaja parti yang berbagai kaum tetapi juga dasar yang bukan perkauman dan bersifat kebangsaan Malaya. Dalam Pilihanraya Persekutuan 1955, Perikatan boleh dikatakan menjalankan dasar 'perkauman' di mana calon ditempatkan mengikut kawasan di mana majoriti pengundi terdiri daripada kaumnya. Dengan itu ia tidak banyak berbedza dengan apa yang dijalankan oleh Barisan Nasional didalam pilihanraya Ogos 1974. Semasa peruntukan kerusi dibuat dalam tahun 1955, Perikatan juga menghadapi masalah dan hanya selesai oleh kebijaksanaan dan ketokohan Tengku Abdul Rahman; seperti juga apa yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak.

ditandinginya. Kerusi yang satu itu dimenangi oleh Parti Islam SeMalaya.⁴⁹ Dari semenjak itu Parti Perikatan terus berkembang melalui liku-liku sejarahnya, baik zaman keretakan sebelum pilihanraya 1959 dan zaman kegemilangan pilihanraya 1964 dan kembali kepada zaman kegelapan 1969, dan sekarang 'Parti Perikatan Besar' — yang disebutkan sebagai Barisan Nasional, kerana Barisan Nasional bagi setengah pengulas politik adalah merupakan perluasan dari Parti Perikatan. Baharu-baharu ini pula atas nama Barisan Nasional ia telah menguasai semua kerajaan negeri dan menduduki 135 kerusi parlimen, selebihnya 9 kerusi oleh Parti Tindakan Rakyat (DAP), 9 kerusi Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), dan satu kerusi Parti Keadilan Masyarakat Malaysia (Pekemas).⁵⁰ Ini menunjukkan penerimaan rakyat terhadap konsep Barisan Nasional yang bersifat 'parti antara-kaum.'

Parti Antara Kaum atau Bukan Perkauman

Sehingga ini kita telah melihat bagaimana percubaan ahli-ahli atau tokoh-tokoh politik tanah air kita melalui parti mereka berusaha membentuk satu parti yang bersifat/berfaham/berdasarkan bukan perkauman, antara kaum atau berbagai kaum.⁵¹ Ketiga-tiga istilah diatas ini mungkin tidak mudah dibezakan. Tetapi jikalau dilihat perkembangan parti-parti UMNO, MCA dan MIC jelas menunjukkan sifat mereka sebagai sebuah parti perkauman, di mana keahlian adalah bergantung kepada satu-satu kaum: Melayu dalam UMNO, Cina dalam MCA dan India dalam MIC. Dalam Perikatan pula kita melihat perikatan parti-parti UMNO, MCA dan MIC.⁵² Tetapi pada asasnya masing-masing masih mempunyai identitinya yang terpenting berdasarkan kaum yang menganggotai dan landasan

⁴⁹ Lihat *Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya*, 1955 by T.E. Smith, Government Press, Kuala Lumpur, 1955, ms. 30. Parti-parti yang bertanding ialah Parti Negara, Perikatan, Parti Islam SeTanah Melayu, Parti Buruh Malaya, Persatuan Kebangsaan Perak, Parti Progresif Perak, Liga Melayu Perak, Calun Parti Islam SeTanah Melayu yang menang ialah calun dari Krian, Haji Ahmad bin Haji Hussain yang bertanding dalam tiga penjur.

⁵⁰ *New Sunday Times*, 15 September, 1974; M. Noor Azam, 'Amanah Rakyat 24 Ogos 1974'. *Dewan Masyarakat*, Jilid 12, bil. 9, 15 September, 1974, ms. 21-22; M.G.G. Pillai 'Razak's frail Eastern Front', *FEER*, Vol. 85, no. 38, 27 September 1974, ms 12.

⁵¹ Antara kaum mungkin boleh diperhatikan seperti yang berlaku dalam Barisan Nasional — sekurang-kurangnya bumiputra dan bukan bumiputra dibezakan di dalamnya. Manakala bukan perkauman ialah dasar dan tindak-tanduk yang diamoi oleh satu-satu parti. Dalam hal ini UMNO walaupun bersifat perkauman Melayu tetapi kerana kebanyakan anggota kabinet terdiri daripada anggota — 21 dari 39 menteri dan timbalan menteri — ialah daripada UMNO maka dasar yang dilaksanakan itu merupakan dasar yang bersifat bukan perkauman atau lebih tepat menjalankan 'dasar kebangsaan.' Tetapi tindakan 'dalam dasar UMNO' dan termasuk PAS adalah keMelayuan. Berbagai kaum lebih dimaksudkan dengan keanggotaan satu parti seperti PEKEMAS yang berbagai kaum dan keahliannya secara langsung dan dasar yang dijalankan tidaklah begitu jelas menunjukkan sifat perkauman kepada mana-mana kaum.

⁵² Ada percubaan untuk membuka keahlian parti Perikatan secara keahlian langsung dari berbagai kaum; iaitu melalui ADMO — Alliance Direct Membership Organisation. Tetapi setakat ini ADMO tidak begitu berjaya. Datuk Senu Abdul Rahman (Setiausaha Agung UMNO), pernah menjadi Pengerusi Sementara ADMO; tetapi beliau telah disingkirkan selepas dikritik kerana gagal menjalankan tugasnya selaku Pengerusi Sementara ADMO. Lihat *Straits Times*, 8 April 1974. Dalam kabinet sebelum pilihanraya Ogos 1974, hanya satu kerusi diduduki oleh anggota ADMO. Lihat Abdul Aziz Zakaria, *An Introduction to the Machinery of Government in Malaysia*, DBP, Kuala Lumpur, 1974, ms. 89.

perjuangan yang dijelankannya. Dari sejak awal Perikatan ditubuhkan dalam tahun 1955; persetujuan itu adalah merupakan 'persetujuan electoral.' Sekarang ini Barisan Nasional pula ditubuhkan dengan tujuan pentingnya untuk mengurangkan politiking mengikut landasan perkauman.⁵³ Ini tentunya merupakan satu perbezaan besar yang dapat disaksikan antara pembentukan Perikatan dalam tahun 1955 dengan Barisan Nasional tahun 1974. Tetapi persetujuan *electoral* pun masih terus berjalan dalam pilihanraya Ogos 1974.

Disamping itu tentu juga ada orang akan berpendapat bahawa idea Barisan Nasional itu sesuatu yang baharu memandangkan yang pembentukan idea atau konsep Barisan Nasional ialah penyatuan parti-parti politik perkauman dalam satu barisan parti politik sahaja. Dalam pada itu integriti tiap parti masih dikekalkan seperti yang dituntut oleh tiap-tiap parti dalam Barisan Nasional sekarang ini. Manakala jikalau dipandang usaha-usaha Datuk Onn membuka keahlian UMNO kepada bukan-Melayu dari ahli bersekutu kepada ahli biasa dan pembentukan parti IMPnya adalah berlainan cara. Tetapi terselit pula satu persamaan objektif oleh kedua-dua arkitek 'barisan nasional'; Tun Abdul Razak dan Datuk Onn ialah untuk mengelakkan pergeseran perkauman dan mengurangkan politiking yang berlandaskan politik perkauman.

Cuma yang membezakan antara kedua-dua kerja dan daya-usaha mereka ialah Datuk Onn terlalu berani untuk terus membentuk parti yang berdasarkan bukan perkauman dan berbagai kaum dan di dalam satu parti sahaja. Perbezaan kaum bukan menjadi ciri utama. Manakala Tun Abdul Razak dan Barisan Nasionalnya masih belum berani mengadakan satu parti dengan keahlian langsung bagi semua kaum. Apa yang dilakukan ialah mengumpulkan parti-parti perkauman itu dalam satu kolam. Kerana Tun Razak mungkin masih mengingat realiti bahawa manusia ada bias dalam tindakannya, terutama bila mengingatkan kaum masing-masing. Datuk Onn tidak mengingatkan sangat akan bias dan pertimbangan kaum dalam diri seseorang. Beliau adalah terlalu bersifat jujur terhadap kebenaran dan idealnya. Beliau lupa bahawa orang Melayu curiga terhadap bangsa bukan-Melayu. Orang bukan-Melayu merasa dianaktirikan. Maka dalam tindakan ini etnosentris⁵⁴ bermain di hati. Inilah yang tidak dikirakan oleh Datuk Onn semasa membentuk Parti Kemerdekaan Malaya tetapi mungkin dipertimbangkan oleh Tun Razak.

Maka sebab itulah Datuk Onn gagal meneruskan cita-citanya manakala Tun Abdul Razak telah berjaya mendapatkan kepercayaan dari ketua-ketua parti lain dan kaum-kaum yang terbesar di Malaysia. Pilihanraya Ogos 1974 ini merupakan satu bukti rakyat memberi mandat yang penuh terhadap kerajaan Barisan Nasional. Tun Abdul Razak sendiri pun menganggap pilihanraya 1974 ini merupakan satu pilihanraya untuk mendapatkan mandat daripada rakyat terhadap

⁵³ Tun Abdul Razak dalam rapat Barisan Nasional di Temerloh pada 20 April 1974 menerangkan juga bahawa penubuhan kerajaan-kerajaan campuran dan pembentukan Barisan Nasional telah mengurangkan percakaran politik di kalangan orang Melayu sendiri; yang dimaksudkan tidak lain percakaran politik UMNO dan PAS sebelum kuatkuasa Kerajaan Campuran PERIKATAN-PAS mulai 1 Januari 1973, lihat *Sunday Times*, 21 April 1974.

⁵⁴ Etnosentris membawa maksud, tendensi dan bias perkauman. Lihat Geoffrey K. Roberts, *A Dictionary of Political Analysis*, Longman, London, 1971, ms. 76.

Barisan Nasional, sebab itulah pilihanraya diadakan 18 bulan lebih awal daripada masa yang sepatutnya.⁵⁵

Berapa lamakah Barisan Nasional akan bersifat seperti sekarang ini di mana didalamnya masih terdapat konfederasi parti-parti: UMNO, MCA, MIC, PAS, GERAKAN, SUPP, USNO, PARTI PESAKA — BUMIPUTRA BERSATU, PPP masih menjadi tanda tanya kerana (seperti dikatakan tadi) mereka masih sayangkan identiti parti masing-masing.⁵⁶ Dan terbukti pula dalam pilihanraya Ogos 1974 ini, hanya disebabkan ketokohan Tun Abdul Razak maka tidaklah timbul keributan di mana-mana pun; terutama dalam penentuan calon yang akan bertanding dalam pilihanraya.⁵⁷ Tetapi nampaknya Barisan Nasional masih menjalankan politik perkauman dalam selimut parti berbagai kaumnya. Datuk Asri sendiri menjelaskan kedudukan $\frac{2}{3}$ kerusi yang diuntukkan untuk golongan Melayu (UMNO dan PAS) bagi kerusi parlimen adalah diputuskan secara perundingan keluarga diantara PAS dengan UMNO, dan bukan diputuskan oleh

⁵⁵ Memang ada penolakan terhadap konsep Barisan Nasional ini. Ini berlaku dalam lingkungan Parti Perikatan sendiri, iaitu MCA Pulau Pinang dan Perak pada mula-mulanya telah menolak secara rasmi untuk turut serta dalam Barisan Nasional hanya setelah diberikan penjelasan dan perundingan dari pihak atasan — dari MCA pusat baharulah mereka menerima konsep Barisan Nasional. Lihat Hasrom Haron, 'MCA & Barisan Nasional lepas Siew Sin, *Dewan Masyarakat* Jilid 12, bil. 5, 15 Mei 1974, ms. 20-21, lihat juga *Sunday Times*, 4 Ogos 1974.

⁵⁶ Parti PAS terutamanya dalam Kongres Keduapuluh yang berlangsung dalam pertengahan bulan Jun 1974 telah menegaskan kepada anggotanya yang kemasukan PAS dalam Barisan Nasional tidak terkeluar dari dasar parti, lihat *Utusan Malaysia*, 7 Jun, 1974, *Straits Times*, 14 Jun 1974. Tetapi dalam pada itu sejak awal tahun 1974 lagi desas-desus menyingkirkan anggota PAS akan dilakukan lihat *Straits Times*, 26 Januari, 27 Januari 1974. Dalam bulan Mei pula dilapurkan tumbuhnya Angkatan Revolusi 14 Mac, yang dikhabarkan hendak mengulingkan Datuk Asri, lihat *Utusan Malaysia*, 22 Mei, 1974. Sebelum itu dalam bulan April Naib-Presiden PAS, Senator Abu Bakar Hamzah telah dipecat dari parti atas alasan disiplin, lihat *Straits Times*, 27 April, 29 April 1974. Rasa tidak senang anggota PAS terhadap kemasukan PAS dalam Barisan Nasional sekali lagi digambarkan bila salah seorang tokoh PAS terkemuka, Senator Awaluddin Darus telah keluar parti kerana, '.....PAS sudah menyimpang dari perjuangan asalnya yang berteraskan ke-Islaman.' lihat *Utusan Malaysia*, 17 Jun 1974. Dengan itu menunjukkan pertentangan yang agak keras atas kemasukan PAS dalam kerajaan campuran, dalam Barisan Nasional. Bagi Datuk Asri sendiri kemasukan PAS dalam Barisan Nasional adalah bertujuan memberikan sumbangan kepada kemakmuran dan perpaduan negara ini. Baca juga tentang 'Rebels without a cause,' oleh Samad Ismail, *Straits Times*, 20 Ogos 1974, yang ada menyentuh tentang bekas anggota PAS yang membentuk Barisan Bebas dan Angkatan Revolusi 14 Mac di Kelantan.

⁵⁷ Lihat *Straits Times*, 29 Julai 1974; Keyakinan pemimpin seperti Dr. Lim Chong Eu, Datuk Sri S.P. Seenivasagam, dan Datuk Asri terhadap Tun Abdul Razak dapat di-kesankan dari interviu antara Tun Razak dengan Lee Siew Yee, Samad Ismail dan Noordin Sopiee yang diterbitkan dalam *Straits Times*, 8 Ogos 1974. Tun Razak menyatakan yang pemimpin tersebut telah memberikan keyakinan, galakan, dan inspirasi serta ketaatan supaya beliau terus memimpin negara menuju kepada perpaduan dan kemakmuran. Dalam pada itu pun kalau DAP dikatakan memenangi kerusi Parlimen dan Dewan Negerinya dikawasan majoriti orang China; Barisan Nasional pula telah meletakkan calon-calonnya mengikut majoriti kaum tiap satu kawasan MCA, Gerakan, PPP — di kawasan majoriti China atau sekurang-kurangnya di kawasan bandar; manakala calon-calon PAS, UMNO — di kawasan majoriti Melayu atau sekurang-kurangnya di kawasan luarbandar. Walau bagaimanapun ini tidak berlaku 100%. Tan Sri Chong Hon Nyan menang di kawasan majoriti Melayu Batu Berendam, Foo Chow Yong di Sungai Keladi, Kelantan; merupakan contoh yang boleh ditonjolkan.

Jawatankuasa Barisan Nasional.⁵⁸

Jadi disini nampaknya didalam selimut parti berbagai kaum/antara-kaum; Barisan Nasional terus menjalankan jarum politik perkauman. Bila dimaksudkan dengan politik perkauman di sini ialah tindak-tanduk yang dijalankan dengan maksud dan dengan cara parti kaum itu sendiri. Di atas tadi terlihat bahawa Melayu yang menguasai UMNO dan PAS masih menjalankan tindakan tersebut, mungkin demi untuk menjaga kedudukan dan kekuasaan politik tanah air masih di dalam tangan orang Melayu, sekalipun Barisan Nasional sudah dicadangkan sebagai satu parti yang akan dapat memuaskan semua kehendaki kaum-kaum di Malaysia.

Tetapi soalnya sejauh manakah tclak-ansur dan perundingan di belakang tabir ini dapat berjalan? Tambahan pula memandangkan kemungkinan bagi satu-satu parti keluar dari Barisan Nasional adalah satu kemungkinan yang tidak boleh diketepikan begitu saja. Walaupun memangnya konsep Barisan Nasional sekarang ini merupakan satu-satunya konsep yang diterima ramai dan memang mendapat mandat dari rakyat — pengundi. Tetapi kadang-kadang kita tergelincir maka di situlah baharu timbul soal. Parti Progresif Rakyat dalam pilihanraya Ogos 1974 lalu telah diuntukkan empat kerusi Parlimen dan sembilan kerusi negeri. Tetapi PPP cuma memenangi satu kerusi parlimen di Beruas dan dua kerusi negeri di Chemor dan Bidor. Manakala Pengerusi partinya sendiri Datuk Sri S.P. Seenivasagam telah kalah dalam kedua-dua kerusi parlimen dan negeri yang ditandinginya. Beliau sendiri mengakui bahawa jikalau PPP tidak memasuki Barisan Nasional kemungkinan PPP untuk terus menang adalah lebih cerah daripada menyertai Barisan Nasional. Walaupun begitu menurut beliau, beliau tidak begitu sesal dengan kekalahan itu. Kerana sekurang-kurangnya beliau telah merubah sikap partinya untuk kepentingan politik negara.⁵⁹

Jadi tidakkah mungkin bahawa disatu masa 'kelak Barisan Nasional hanya merupakan satu parti sahaja dan bersifat bukan perkauman dalam keahlian sekurang-kurangnya; tidak dianggotai oleh beberapa parti perkauman seperti sekarang ini. Keahlian tidak bergantung kepada kaum. Kemasukan ahli adalah secara terus. Dan bila ditanyakan tentang kemungkinan Barisan Nasional akhirnya menjadi satu parti, Michael Chen selaku Setiausaha Barisan Nasional pada waktu itu, menyatakan kemungkinannya tetapi ini tentunya memakan masa untuk beberapa tahun lagi!⁶⁰ Dan jika ini benar-benar berlaku maka akan hiduplah kembali

⁵⁸ Interbiu Shahrom Md. Dom dan A.F. Yassin dengan Datuk Mohd. Asri, *Devan Masyarakat*, Jilid 17, Bil. 8, 15 Ogos 1974, ms. 19.

⁵⁹ Lihat interbiu Subky Latif dengan Datuk Sri S.P. Seenivasagam, *op. cit.* Selain dari itu Datuk Sri dalam interbitu dengan Joseph Sosai, "The PPP Down But Not Out," *New Straits Times*, 21 September 1974, memberikan beberapa sebab lagi mengapa PPP kalah di Perak itu. Di antaranya ialah kurangnya kerjasama dari MCA, dan 'passive non cooperation' yang diberikan oleh GERAKAN. Dua lagi sebab yang dianggap lebih utama ialah pengundi di kawasan-kawasan yang dahulunya dikuasai oleh kerusi PPP masih belum menerima kemasukan PPP dalam Barisan Nasional di samping pengundi itu lebih sukakan satu wakil pembangkang; seperti yang telah berlaku dalam pilihanraya umum 1959, 1964 dan 1969. Satu lagi kegagalan PPP ialah disebabkan oleh konsentrasi kempen DAP yang beriya-nya lama sebelum pilihanraya Ogos 1974.

⁶⁰ Lihat interbiu Shahrom Md. Dom dan A.F. Yassin dengan Michael Chen, *Devan Masyarakat*, Jilid 18, bil. 8, 15 Ogos 1974, ms. 17-18.

semangat idea yang dibawakan oleh Datuk Onn dalam membukakan keahlian UMNO kepada bukan Melayu dalam percubaannya dengan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP). Akan hiduplah kembali kelak semangat/idea untuk menukarkan nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu — United Malay National Organisation kepada Pertubuhan Kebangsaan Malaya Bersatu — United Malayan National Organisation yang dicita-citakan oleh Datuk Onn.⁶¹ Bila konsep pertubuhan kebangsaan — i.e. barisan nasional itu hidup kembali mungkin kelak Barisan Nasional akan lebih dikenal dengan United Malaysia National Organisation; dan memanglah menjadi harapan kita agar Barisan Nasional akan menuju kepada satu “Pertubuhan Kebangsaan Malaysia Bersatu”

Penutup

Satu lagi perkembangan lanjut daripada pertumbuhan dan perkembangan idea dan konsep barisan nasional ialah pembentukan sistem demokrasi satu parti. Tan Sri Ghazali Shafie semasa bercakap di Permatang Haji Hassan, Kepala Batas pada 6 September 1974 telah memberikan hujah-hujah di mana tidak perlunya satu parti pembangkang atau satu barisan parti pembangkang.⁶² Terutama beliau memandang bahawa parti-parti yang bertindak sebagai pembangkang baik yang di luar Dewan Rakyat dan terutama di dalam Dewan Rakyat merupakan parti pembangkang yang tidak sihat. DAP mengikut beliau telah menggunakan taktik cauvinistik dan perkaumannya.⁶³ Manakala Parti Sosialis Rakyat Malaya menurut beliau sudah ketinggalan ke belakang dalam perjuangannya.⁶⁴ Sebab yang terpenting mengapa tidak perlunya satu barisan parti pembangkang atau parti pembangkang dalam Dewan Rakyat atau Dewan Negeri ialah kerana pada masa dan peringkat perkembangan politik sekarang, Barisan Nasional sendiri boleh memainkan peranan sebagai pembangkang yang sihat; memandang terdapatnya sembilan buah parti yang menganggotai Barisan Nasional. Cuma satu merbahaya

⁶¹ Ishak Tadin *op. cit.*, ms. 88; *UMNO Sepuluh Tahun, op. cit.*, ms. 77.

⁶² Sebelum pilihanraya Ogos 1974 ada ura-ura dan usaha untuk menubuhkan satu pakatan pembangkang; tetapi ia menghadapi kegagalan. Parti-parti yang hendak berura-ura berpakatan itu ialah DAP, SNAP dan PEKEMAS.

Kegagalan pembentukan pakatan berlaku kerana DAP dikatakan telah mengadakan syarat utama terlebih dahulu; iaitu meminta PEKEMAS menyingkirkan Dr. A. Soorian, wakil rakyat dari Port Dickson dan Samuel Raj (kedua-duanya bekas anggota DAP) untuk menjalankan perundingan selanjutnya. PEKEMAS menolak permintaan tersebut dan perundingan terhenti. Lihat *Straits Times*, 20 dan 27 Julai 1974.

⁶³ DAP selalu menyangkal yang partinya cauvinistik dan perkauman China. Seawal-awal tahun 1971, Sdr. Lee Lam Thye Setiausaha Kerja DAP, menyatakan yang DAP adalah parti berbilang kaum di Malaysia dan menentang segala bentuk dasar perkauman dan cauvinisma, lihat *Straits Times*, 20 Januari 1971. Tetapi kemenangan DAP dalam 9 kerusi parlimen di kawasan majoriti orang China serta 11 kerusi Dewan Negeri Perak, 4 kerusi Dewan Negeri Melaka, 3 kerusi Dewan Negeri Negeri Sembilan, 2 kerusi Dewan Negeri Pulau Pinang, dan satu kerusi Dewan Negeri Johor, Kedah dan Selangor. Semua kemenangan ini didapati di kawasan majoriti orang China yang kebanyakannya di kawasan bandar menunjukkan sifat dan dasar keChinaannya, lihat Noordin Sopiee, 'The Shattered Myths of the DAP,' *Straits Times*, 30 Ogos 1974; *Straits Times*, 26 Ogos 1974; Harvey Stockwin, 'Electing to be Moderate,' *FEER*, Vol. 85, no. 35, 6 September 1974, ms. 10-12.

⁶⁴ Ucapan penuh beliau itu disiarkan dalam *New Straits Times*, 17 September 1974. Sementara itu Tun Abdul Razak dalam ceramah politik di radio pada 22 Ogos 1974 telah meletakkan yang semua parti-parti pembangkang adalah tidak begitu 'berguna' kerana dasar dan program mereka yang tidak dapat menyumbangkan kepada perpaduan dan kemakmuran negara. Ucapan ini dilapurkan dalam *Straits Times*, 23 Ogos 1974.

yang mungkin harus diperhatikan ialah, oleh kerana semua parti-parti dalam Barisan Nasional merupakan 'pemerintah' maka pembongkaran keburukan dan pembukaan 'pekung' sendiri tidak sekali wajar terutama takut akan membawa kepada keruntuhan kerajaan (kabinet) Barisan Nasional sendiri melalui praktik sistem pemerintahan demokrasi. Dengan itu kemungkinan yang lebih besar ialah membiarkan perkara besar yang tidak betul berlaku dengan mengurangkannya seberapa banyak yang boleh daripada diketahui ramai dan terbaru kepada masyarakat terbanyak.

Tetapi jikalau diamat-amati adalah lebih baik mempunyai parti pembangkang atau barisan parti pembangkang daripada tidak mempunyai langsung, kerana ini akan lebih merupakan penyemakan kedua; setelah penyemakan pertama dilakukan dalam Barisan Nasional sendiri seperti yang diandaikan oleh Tan Sri Ghazali Shafie.⁶⁵ Baharu-baharu ini pun Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) yang menduduki sembilan kerusi parlimen telah menyatakan akan perlunya 'check and balances' dalam demokrasi.⁶⁶ Selain dari itu satu perkembangan terbaharu SNAP pula ialah ikrar parti tersebut untuk bekerjasama dengan kerajaan terutama di peringkat negeri Sarawak, sebagai menyahut seruan Ketua Menteri, Datuk Haji Abdul Rahman Yakub kepada parti politik supaya bersama-sama berusaha untuk kebanyakan rakyat.⁶⁷ Selain mendapati pertanda baik ini, satu kesan lagi yang dapat dilihat ialah kemungkinan bahawa SNAP akan memasuki pula Barisan Nasional, melalui penubuhan kerajaan campuran di Sarawak. Kemungkinan ini tidaklah boleh dijauh-jauhkan merendahkan kekukuhkan politik negara yang sedang dipegang oleh Barisan Nasional. Dengan itu pula akan mengujudkan 'kerajaan satu parti' di Malaysia.

⁶⁵ Lihat *Berita Harian*, 2 Mac 1973.

⁶⁶ Lihat *Straits Times*, 12 Ogos 1974.

⁶⁷ Lihat *Utusan Malaysia*, 21 September 1974.